

Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga UMP Ukir Nama



Kuala Lumpur, 4 April - Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menang tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai tiga ribu ringgit dalam pertandingan Dikir Barat Terbuka Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bertempat di Kompleks Kraf Jalan Conlay Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tempat pertama dimenangi oleh Kumpulan Gemersik Alam yang membawa hadiah wang tunai tujuh ribu ringgit diikuti tempat kedua oleh Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan dengan hadiah lima ribu ringgit.

Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga UMP ini menampilkan dua orang penyanyi iaitu Tuan Fazzimy Tuan Din selaku Tok Juara dan Mohamad Fikri Abdul Gani selaku tukang karut. Penyertaan pada kali ini berjaya menarik perhatian penonton dan juri ketika Kumpulan Warisan Sri Pujangga membuat persembahan bagi melayakkan kumpulan ke Peringkat Akhir.



Penasihat Dikir Barat UMP, Badrul Naim Abidin berkata, sebanyak 11 kumpulan yang menyertai pertandingan dikir barat terdiri daripada kumpulan dikir IKN, Warisan Seni Samudera, Seri Pantai Puri, Balong Mas, Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan, Seri Pusaka Apu, Tabuh Pendeta, Gemersik Alam, Warisan Sri Pujangga dan Dikir Bajet.

"Lima daripadanya layak ke Pentas Akhir adalah Warisan Sri Pujangga UMP, Warisan Seni Samudera (Batu Caves), Balong Mas (Presint 9 Putrajaya), Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan (IPG Dungun) dan Gemersik Alam (Petaling Jaya)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin melahirkan rasa bangga dengan kejayaan kumpulan ini sungguhpun baharu ditubuhkan namun telah berjaya menempa nama di peringkat kebangsaan.

Katanya, kejayaan ini pastinya melibatkan komitmen semua pendikir UMP yang sentiasa bersemangat, berdisiplin, bekerjasama dan berusaha bagi mencapai sesuatu kejayaan dan kepuasan di dalam persempahan.

Kumpulan Warisan Sri Pujanga ini juga terlibat dalam beberapa persempahan di antaranya menjayakan persempahan jemputan bagi siaran Karoot Komedia X siri keempat yang berlangsung di Studio Finas Hulu Klang dan bakal mengadakan persempahan inter budaya Malaysia-Indonesia serta membuat persiapan bagi menyertai Pertandingan Peringkat IPT yang akan diadakan pada 17 hingga 19 April ini di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).



Gambar dan berita disediakan oleh En Badrul Naim Abidin dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 15-04-2015, 08:37:07